

SOALAN NO: 158

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD
KAWASAN : LIPIS

SOALAN:

YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan sudah atau pun sedang berbincang bersama Kerajaan Negeri Pahang berkenaan dengan projek menaik taraf Jalan Benta - Jerantut dan Jalan Lipis - Kerambit - Jerantut - Kuantan. Penaiktarafan jalan ini akan membantu mengembangkan ekonomi penduduk setempat khususnya penduduk dalam Parlimen Lipis dan daerah lain termasuk Jerantut dan Kuantan kerana penggunaan jalan raya akan lebih efektif dan cepat apabila jajaran daerah ini disambungkan dengan lebih selamat. Selain itu, keadaan jalan terkini di sini amat membimbangkan kerana kadar kemalangan yang terbabit di sepanjang jalan ini semakin meningkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Menaiktaraf Jalan Persekutuan dari Benta – Jerantut – Maran merupakan antara salah satu projek yang dicadangkan oleh Laporan *Highway Network Development Plan* (HNDP) Fasa 1.

Pelaksanaan bergantung kepada kelulusan Agensi Pusat yang dilaksanakan secara berfasa sepanjang 140km. Status pelaksanaan semasa kini, sepanjang 21 km daripada Jalan Persekutuan FT64, Jalan Benta – Jerantut – Maran telah siap dinaiktaraf kepada piawaian R5 pada tahun 2001. Bagi Fasa 1 (Segmen 7) sepanjang 6km, pembinaan dijangka akan bermula pada bulan Disember 2017 dengan tempoh siap kerja selama 36 bulan. Fasa ini telah diluluskan dalam *Rolling Plan* ke-2, RMKe-11. Manakala baki bagi fasa dan segmen lain masih lagi dalam pertimbangan agensi pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai cadangan projek menaiktaraf Jalan Persekutuan FT234 dari Lipis – Kerambit – Mela – Jerantut sepanjang 60km pula, ia telah dipohon untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-11. Walaubagaimanapun, permohonan tersebut masih belum mendapat kelulusan Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.